

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

USUL MEMPERKASA BELIA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI
PULAU PINANG
OLEH SITI SALWA BT MD YUSUF

Pelancongan dapat menyumbang kepada pendapatan Pulau Pinang. Hal ini disebabkan oleh pelancongan yang menjadi teras utama kepada pertukaran mata wang asing. Setiap pelancong asing yang datang ke Pulau Pinang pasti akan membawa mata wang asing untuk berbelanja serta membayar kos penginapan dan akan menggunakan kenderaan awam untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat di Pulau Pinang. Secara tidak langsung pelancong asing akan membeli cenderamata, makanan, minuman dan lain lain sepanjang tempoh mereka berada di Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti sebegini dapat menambahkan pendapatan negeri secara tidak langsung.

Oleh itu, satu program khusus harus dirancang untuk menggalakkan belia menceburi bidang pelancongan. Saya mencadangkan bahawa kerajaan seharusnya memperkasakan kemahiran berbahasa dan pengurusan perhotelan kepada belia. Penubuhan agensi untuk melatih belia menjadi pemandu pelancong adalah wajar untuk menjadikan mereka lebih berkemahiran dalam bidang tersebut.

Seterusnya sijil kemahiran yang diiktiraf oleh MQA haruslah diberikan kepada belia. Penyediaan elaun bulanan dan kemudahan yang lengkap dapat menarik belia untuk menceburi sektor tersebut. Justeru, hal ini dapat menarik belia dengan lebih mudah.

Membekalkan mereka dengan pakaian seragam sebagai identiti baharu untuk belia sekali gus dapat menaikkan imej di mata pelancong. Langkah ini secara tidak langsung dapat membantu belia mempromosikan Pulau Pinang kepada pelancong. Seterusnya, belia juga perlu dilatih untuk memberikan penerangan kepada pelancong dengan bahasa yang mudah difahami serta memperkenalkan tempat yang belum dikenali kepada pelancong.

Sekian, terima kasih.

Siti Salwa Bt Md Yusuf

Ahli Sidang Muda 2018

